

25/05/2000

Kerajaan tanggung rawatan suri rumah

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan akan memberi segala bantuan kepada suri rumah yang disahkan menerima darah yang tercemar dengan virus HIV termasuk membiayai rawatan terapi anti-retroviral (CART) dan kaunseling sepanjang hayatnya.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng berkata, rawatan terapi yang sedang diberikan kepada suri rumah itu dikenal pasti oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai berkesan untuk merawat pesakit yang disahkan mempunyai virus HIV.

"WHO memanggil terapi anti-viral itu sebagai terapi ajaib. Walaupun ia tidak mampu menyembuhkan namun ia berjaya mengurangkan jumlah virus HIV di dalam badan pesakit hingga menyebabkan ujian biasa sukar mengesannya," katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini.

Chua berkata, kebanyakan hospital di Barat kini memilih terapi berkenaan untuk merawat pesakit kerana kejayaannya memanjangkan jangka hayat pesakit dan membolehkan mereka menjalani kehidupan harian.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kejadian seorang suri rumah berusia 47 tahun, yang disahkan menerima darah mengandungi virus HIV ketika menjalani proses pemindahan darah di Hospital Jitra, 28 April lalu.

Chua yang kesal dan sedih dengan kejadian berkenaan, juga meminta suri rumah berkenaan bersabar dan sentiasa mengamalkan sikap positif dalam menjalani kehidupannya.

"Saya bersetuju dengan kenyataan Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir yang meminta suri rumah itu sentiasa berpandangan positif walaupun pelbagai pihak cuba mempengaruhinya," katanya.

Sementara itu, katanya, jika lima pengeluar utama ubat yang digunakan dalam terapi itu bersetuju mengurangkan harganya ia dapat meringankan kos yang terpaksa ditanggung oleh pesakit.

"Jika syarikat berkenaan setuju mengurangkan harga ubat berkenaan sehingga 90 peratus ia akan memberi manfaat kepada 34 juta pesakit di seluruh dunia.

"Sekarang kos untuk mendapatkan rawatan terapi adalah tinggi iaitu RM2,000 sebulan," katanya.

(END)